



Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (30)04/B/PI/668/2/JIL 2

1 Ogos 2024

Semua Pemegang Lesen

Peniaga Buah Sawit

Peniaga Minyak/Isirung Sawit

Bahan Tanaman Sawit/Nurseri Sawit

Tuan/Puan,

PENGUMUMAN MENGENAI PENGISIAN MAKLUMAT GUNATENAGA SECARA ONLINE (SISTEM E-GUNATENAGA) BAGI SEKTOR PENIAGA PADA TAHUN 2024

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pengisian maklumat tahunan gunatenaga bagi Sektor Peniaga secara *online*, iaitu melalui sistem e-Gunatenaga dilaksanakan bertujuan untuk membantu Kerajaan dalam menggubal dasar berhubung keperluan dan pengambilan tenaga kerja asing serta pekerja berkemahiran untuk industri sawit tempatan.

3. Pengisian maklumat gunatenaga ini hendaklah dibuat di laman sesawang <http://e-gunatenaga.mpob.gov.my>. Maklumat gunatenaga ini merujuk kepada **status gunatenaga** pada bulan **Jun 2024**. Pemegang lesen hendaklah menggunakan nombor lesen MPOB sebagai nama pengguna (*Username*) dan kata laluan (*Password*) yang telah digunakan semasa pengisian maklumat pada tahun 2023 untuk mengakses ke sistem tersebut.

4. Pengemaskinian maklumat perlu dihantar kepada MPOB, **SEBELUM ATAU SELEWAT-LEWATNYA PADA 30 OGOS 2024** mengikut sektor yang berkaitan dengan syarikat tuan/puan. Segala maklumat yang dikemukakan kepada Lembaga adalah **SULIT** dan tidak akan didedahkan kepada umum. Sila hubungi pegawai-pegawai seperti yang dipaparkan di sistem e-Gunatenaga untuk bantuan. **Rujuk Lampiran 1.**



SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QAS 02602



18 - 20 November 2025
Kuala Lumpur Convention Centre

5. Dimaklumkan juga pada masa akan datang, penghantaran surat pengumuman pengisian maklumat gunatenaga dan surat lain-lain berkaitan maklumat gunatenaga akan dihantar melalui emel sahaja. Sehubungan hal ini, mohon pastikan maklumat emel syarikat tuan/puan di dalam sistem e-Peniaga adalah yang terkini dan semakan emel perlu dibuat dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklumat/notis lanjut berkaitan dengan pengisian maklumat gunatenaga.

6. Selain itu, dimaklumkan juga di bawah Peraturan 21 Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 iaitu, pemegang lesen hendaklah mengemukakan maklumat dan dokumen yang diminta oleh Lembaga dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga. Jika didapati gagal berbuat demikian, tindakan penguatkuasaan boleh diambil ke atas pemegang lesen tersebut. Ini termasuk kegagalan mengemukakan maklumat tahunan gunatenaga ini.

7. Kerjasama dari syarikat tuan/puan dalam membekalkan maklumat gunatenaga ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,



DR. RAMLE MOSLIM

Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan)

b.p. Ketua Pengarah MPOB

AKSES UNTUK LAMAN SESAWANG e-GUNATENAGA (<http://e-gunatenaga.mpob.gov.my>)

Adalah dimaklumkan Nombor Lesen dan Kata Laluan anda untuk mengakses laman Sesawang e- Gunatenaga (<http://e-gunatenaga.mpob.gov.my>) adalah seperti berikut:

Nombor Lesen : (Seperti yang diberikan oleh MPOB)

Kata Laluan :

- 1) SEPERTI YANG DIGUNAKAN SEMASA PENGISIAN e-GUNATENAGA PADA TAHUN 2023
- 2) BAGI PELESEN BARU, SILA GUNAKAN 123456



Anda adalah dinasihatkan supaya menukar Kata Laluan dengan segera selepas mengakses laman e-GUNATENAGA.

Nama Pegawai Untuk Dihubungi :

KATEGORI PENIAGA	NO. TELEFON	EMEL
<u>PENIAGA BUAH SAWIT</u>		
Cik Rohidayati Sukhaila Sabarudin	03 - 7802 2991	rohidayati@mpob.gov.my
Cik Siti Nuraisyah Yushaimy (Johor)	03 - 7802 2916	siti.nuraisyah@mpob.gov.my
<u>PENIAGA MINYAK & ISIRUNG SAWIT</u>		
Pn. Nurul Hufaidah Sharif	03 - 7802 2824	hufaidah@mpob.gov.my
Cik Nurul Mastura Romli	03 - 7802 2819	nurul.mastura@mpob.gov.my
<u>BAHAN TANAMAN SAWIT</u>		
Cik Siti Nuraisyah Yushaimy	03 - 7802 2916	siti.nuraisyah@mpob.gov.my
Pn. Siti Suziyana Mohd Omar	03 - 7802 2820	suziyana@mpob.gov.my